



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 18 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	DANA LEBIH RM5 JUTA UNTUK 455 PENTERNAK, NEGERI PAHANG, SH -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	LUPUS IKAN ASING YANG JEJASKAN EKOSISTEM, DALAM NEGERI, UM -32 'PUKAT MALAS' BUNUH PENYU, LOKAL, HM -20 PUKAT 'MALAS' PEMBUNUH UTAMA PENYU DI TERENGGANU, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8.	MARDI BANGUN PROGRAM TANAMAN JAGUNG BIJIAN, NASIONAL, BH -8 80 PERATUS MADU DI PASARAN TIRUAN, MUKA DEPAN, KOSMO -1 MADU TIRUAN TERUS 'MONOPOLI' PASARAN, NEGARA, KOSMO -2 PERNIAGAAN PENTERNAK KELULUT, 'PEMBURU' MADU TERJEJAS, NEGARA, KOSMO -2	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	LPP LAKSANA PROJEK FASA KETIGA DI JOHOR, NASIONAL, BH -8	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10.	HASIL PADI KAWASAN MADA MENINGKAT, NEGARA, KOSMO -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	CHICKEN EPISODE A GOOD LESSON ON FOOD SECURITY, NEWS, NST -11 ANGKASA TANAM JAGUNG, KURANGKAN IMPORT DEDAK, NEGARA, KOSMO -16 BOT NELAYAN ROSAK, TENGGELAM AKIBAT DIBADAI ANGIN KENCANG, NEGARA, KOSMO -14 NELAYAN RUGI BOT ROSAK DIPUKUL RIBUT, NASIONAL, BH -18 40 PETANI RUGI RM310k TEMBIKAI MUSNAH, LOKAL, HM -21 PULAU AMAN DIGEGAR RIBUT!, LOKAL, HM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

18/2/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
PAHANG

24

MAFI bantu penternak terjejas banjir dari sembilan negeri di bawah PPSPA

• Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukan RM5.65 juta kepada 455 penternak terjejas banjir di bawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

Timbalian Menteri II MAFI, Datuk Dr Nik Muhamad Zawawi Salleh berkata, sembilan negeri yang menerima bantuan di bawah PPSPA iaitu Selangor, Sabah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan selepas penternak kerugian lebih RM11.68 juta.

“Selangor merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM4.8 juta dan menerima peruntukan bantuan di bawah PPSPA RM2

# Dana lebih RM5 juta untuk 455 penternak



**Nik Muhammad Zawawi (kanan)** menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan asas kepada penternak pada ketika mengadakan lawatan di ladang ternakan di Kampung Pandan 2 pada Khamis.

“Agihan bantuan biasanya mengikut keperluan penternak seperti binatang ternakan, pembaikan kerosakan, makanan dan vitamin kepada binatang ternakan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa mana-mana penternak yang masih belum mendaftar dengan Jabatan Veterinar supaya dapat berbuat demikian.

“Kerajaan berhasrat untuk memberikan bantuan kepada semua yang terlibat tetapi kumpulan yang tidak berdaftar ini mendatangkan masalah kepada diri mereka.

“Jadi, kita minta semua usahawan dalam bidang penternakan berdaftar dengan Jabatan Veterinar supaya jumlah kerugian dapat dianggarkan dan bantuan dapat disalurkan kepada mereka,” katanya.

2, di sini pada Khamis.

Pada majlis itu, para penternak turut diberikan penerangan berkaitan perkhidmatan dan bantuan insentif oleh Jabatan Veterinar.

Nik Muhammad Zawawi berkata, bantuan itu disalurkan bagi memulihkan semula perusahaannya selepas kerugian besar akibat banjir.

juta.

“Johor pula menerima peruntukan RM1.3 juta, diikuti Pahang sebanyak RM1.1 juta dan baki selebihnya akan disalurkan kepada enam negeri,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke ladang penternak yang terlibat bencana banjir 2021 di Kampung Pandan



## Lupus ikan asing yang jejaskan ekosistem

**SEREMBAN:** Demi kelangsungan ikan-ikan tempatan, kaki pancing di Negeri Sembilan diminta melupuskan setiap hasil tangkapan ikan asing berbahaya yang semakin kerap ditemukan di kawasan perairan negara ini.

Pegawai Perikanan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew-Leen berkata, sekiranya pemancing melepaskan semula ikan asing seperti *Peacock Bass*, *Baung Ekor Merah*, *Alligator Gar* (Ikan Kepala Buaya) yang ditangkap mereka itu, tentunya akan terus memusnahkan ekosistem kawasan perairan tersebut termasuk menghapuskan spesies ikan asli tempatan.

"Sebenarnya, pihak kami memang ada terima banyak aduan berkaitan penemuan ikan-ikan bukan asli ni di perairan seperti sungai, tasik dan lombong.

"Sebagai contoh, penemuan ikan *peacock bass* di sebuah lombong di Kampung Siliau, Rantau, ikan *Baung Ekor Merah* di empangan Sungai Buloh, Jelebu selepas kejadian banjir lalu dan terbaharu ikan *Alligator Gar* yang ditangkap seorang pemancing di sebuah lombong tinggal di Kampung Lambar, Labu di sini.

"Jika ada yang terjumpa, terpancing ikan bukan asli, kami nasihatkan mereka untuk jangan lepaskan semula ke perairan dan sebaiknya dilupuskan demi menjaga sumber ikan-ikan asli yang terdapat di perairan kita," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Mengulas lebih lanjut, Siew Leen berkata, terdapat beberapa kemungkinan ikan-ikan asing ini semakin kerap ditemui di perairan negara ini termasuk di Negeri Sembilan.



**SEORANG** petugas Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menunjukkan seekor ikan *Alligator Gar* yang berjaya ditangkap di sebuah kolam tinggal di Kampung Lambar, Labu, Seremban baru-baru ini.



lokal

# 'Pukat malas' bunuh penyu

Penggunaan pukat tak ikut spesifikasi faktor utama kematian reptilia di Terengganu: FRI

**Rentan Abang**

Penggunaan pukat pari atau lebih dikenali sebagai 'pukat malas' oleh nelayan berbabitiran kawasan pendaratan penyu dikenal pasti sebagai penyebab utama kematian reptilia yang menjadi ikon pelancongan Terengganu itu.

Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantan Abang Sharum Yusof berkata, berdasarkan kajian pihaknya sebanyak 45 peratus kematian penyu yang direkodkan setakat ini adalah akibat tersangkut pada pukat pari manakala 38 peratus terperangkap dalam pukat tunda.

"Apabila penyu tersangkut pada pukat pari atau pukat malas yang diletakkan di dasar laut selama dua hingga tiga jam, haiwan itu akan kelemasan dan mati kerana gagal timbul di permukaan air untuk bernafas.

"Insiden terperangkap pada pukat kerap berlaku sehingga menyebabkan kematian dan lebih menyedihkan ada nelayan yang sanggup bunuh penyu yang terperangkap sebab tak mahu rosakkan pukat mereka ketika mahu keluaran bahwan itu," katanya.

Kematian penyu di Terengganu semakin membina apabila 22 kes kematian dilaporkan dalam



SHARUM menunjukkan cara penggunaan Peranti Penyisih Penyu pada pukat tunda sepanjang musim tengkujuh (November hingga Mac) ketika ditemui di FRI Kuala Abang.

**78**  
Hampir kes kematian penyu disebabkan pukat 2019

Mengulas lanjut Sharum berkata, penyu juga lebih mudah terperangkap jika pukat yang digunakan nelayan melebihi saiz yang dibenarkan pihak berkuasa iaitu saiz mata pukat tidak boleh melebihi 25 sentimeter (10 inci).

"Masih ramai nelayan di negeri ini tidak memahami (peraturan) dan menjalankan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat

yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan pihak berkuasa," kata Sharum.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai program kesedaran dan kursus diadakan untuk meningkatkan tahap kepentingan mengikut peraturan ditetapkan, sekali gus dapat menyelamatkan reptilia berkenaan.

"Malangnya peratus ke-

badiran amat sedikit, sedangkan banyak lesen nelayan dikeluarkan, tambah burut lagi ada ramai yang turun ke laut tanpa lesen dan golongan inilah yang sukar dididik dan diberi kesedaran," katanya yang besal dengan saiz pukat yang besar dengan selip tidak bertanggawab segelintir nelayan sehingga menjejaskan ekosistem marin.

Sementara itu, menurut Pegawai Penyelidikan Perikanan Rantan Abang Sharum Yusof, punca lain yang menyebabkan kematian penyu ialah akibat terkena kipas bot, manakala peratusan penyu yang mati akibat termakan plastik sangat keti-lahau banya kira-kira lima peratus.

Beliau berkata, kematian penyu yang disebabkan termakan plastik sebenarnya jarang berlaku kerana kebanyakannya ia melibatkan penyu Belimbing yang manakanya ubur-ubur dan spesies berkenaan sudah agak lama tidak kelihatan di perairan negeri ini.

"Penyu Belimbing mungkin keliru, tak dapat beza tidak akan terperangkap dan lemas dalam pukat," katanya.

Penyu yang memasuki melalui injap yang terdapat pada peranti ini, jadi penyu tidak akan terperangkap dan lemas dalam pukat," katanya.

Terdapat antara 600 sehingga 1,000 ekor penyu akan mendarat dan berada di perairan Terengganu semasa musim reptilia itu berturut-turut sekitar April sehingga Oktober.



"Ada les yang kita jumpa walaupun ada plastik dalam mulut penyu yang mati itu, bukannya sebab ia makan plastik tapi mungkin perbuatan khianat (orang membuat khianat (orang membuat khianat) katanya menambab spesies penyu Agas kini mendominasi populasi penyu di Terengganu iaitu sehingga 90 peratus.

Oleh itu, katanya, keutamaan yang perlu diberi dalam usaha mengurangkan kematian penyu ialah dengan mendidik dan memberi kesedaran yang optimum kepada golongan nelayan supaya mereka mematuhi setiap undang-undang serta peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa.

Katanya penggunaan Peranti Penyisih Penyu pada pukat tunda sepanjang musim tengkujuh (November hingga Mac) juga dapat menyelamatkan penyu daripada terperangkap di dalam kerongcong pukat sehingga menyebabkan kematian.

"Penyu yang memasuki pukat tunda dapat keluar melalui injap yang terdapat pada peranti ini, jadi penyu tidak akan terperangkap dan lemas dalam pukat," katanya.

Terdapat antara 600 sehingga 1,000 ekor penyu akan mendarat dan berada di perairan Terengganu semasa musim reptilia itu berturut-turut sekitar April sehingga Oktober.



45 peratus kematian penyu akibat tersangkut pada pukat pari

### RANTAU ABANG

Penggunaan pukat pari atau lebih dikenali sebagai pukat 'malas' oleh nelayan berhampiran kawasan pendaratan penyu, dikenal pasti sebagai penyebab utama kematian reptilia yang menjadi ikon pelancongan Terengganu itu.

Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Sharum Yusof berkata, berdasarkan kajian pihaknya, sebanyak 45 peratus kematian penyu yang direkodkan setakat ini adalah akibat tersangkut pada pukat pari, manakala 38 peratus terperangkap dalam pukat tunda.

"Apabila penyu tersangkut pada pukat pari atau pukat malas yang diletakkan di dasar laut selama dua hingga tiga jam, haiwan itu akan kelemasan dan mati kerana gagal timbul di permukaan air untuk bernafas.

"Insiden terperangkap pada pukat kerap berlaku sehingga menyebabkan kematian dan lebih menyedihkan ada nelayan yang sanggup bunuh penyu yang terperangkap sebab tak mahu rosakkan pukat

mereka ketika mahu mengeluarkan haiwan itu," katanya kepada *Bernama* di sini.

Kematian penyu di Terengganu semakin membimbangkan apabila 22 kes kematian dilaporkan dalam tempoh Januari lepas sehingga Rabu. Pada 2019 sebanyak 78 kes kematian penyu direkodkan, manakala 55 kes dicatat pada 2020 dan 51 kes (2021).

Mengulas lanjut Sharum berkata, penyu juga lebih mudah terperangkap jika pukat yang digunakan nelayan melebihi saiz yang dibenarkan pihak berkuasa iaitu saiz mata pukat tidak boleh melebihi 25 sentimeter (10 inci).

Sehubungan itu katanya, pelbagai program kesedaran dan kursus diadakan untuk meningkatkan tahap kesedaran nelayan tentang kepentingan mengikut peraturan ditetapkan, sekali gus dapat menyelamatkan reptilia berkenaan.

"Malangnya peratus kehadiran amat sedikit, sedangkan banyak lesen nelayan



FOTO: BERNAMA

Antara penyu yang ditemui mati dan terdampar di pantai yang dirakam di beberapa kawasan pantai di Terengganu.

yang dikeluarkan, tambah buruk lagi ada ramai yang turun ke laut tanpa lesen dan golongan inilah yang sukar dididik dan diberi kesedaran," katanya yang kesal dengan sikap tidak bertanggungjawab segelintir nelayan sehingga menjejaskan ekosistem marin.

Sementara itu menurut Pegawai Penyelidikan Penyu FRI Rantau Abang, Nazuki Sulong, punca lain yang menyebabkan kematian penyu ialah akibat terkena kipas bot, manakala peratusan penyu yang mati akibat termakan plastik sangat kecil iaitu hanya kira-kira lima peratus.

Beliau berkata, kematian penyu yang disebabkan termakan plastik sebenarnya jarang berlaku kerana kebiasaannya ia melibatkan penyu belimbing yang makannya utamanya ubur-ubur dan spesies berkenaan sudah agak lama tidak kelihatan mendarat di pantai negeri ini.

"Ada kes yang kita jumpa, walaupun ada plastik dalam mulut penyu yang mati itu, bukanlah sebab ia makan plastik, tapi mungkin perbuatan khianat (orang masuk

kan)," katanya menambah spesies penyu agar kini mendominasi populasi penyu di Terengganu iaitu sehingga 90 peratus.

Oleh itu katanya, keutamaan yang perlu diberi dalam usaha mengurangkan kematian penyu ialah dengan mendidik dan memberi kesedaran yang optimum kepada golongan nelayan supaya mereka mematuhi setiap undang-undang serta peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa.

Katanya, penggunaan Peranti Penyisih Penyu pada pukat tunda sepanjang musim tengkujuh (November hingga Mac) juga dapat menyelamatkan penyu daripada terperangkap di dalam keroncong pukat sehingga menyebabkan kematian.

"Penyu yang memasuki pukat tunda dapat keluar melalui injap yang terdapat pada peranti ini, jadi penyu tidak akan terperangkap dan lemas dalam pukat," katanya.

Terdapat antara 800 sehingga 1,000 ekor penyu akan mendarat dan berada di perairan Terengganu semasa musim reptilia itu bertelur iaitu sekitar April sehingga Oktober.



FOTO: BERNAMA

Sharum menunjukkan gambar kalendar terakhir penemuan penyu belimbing yang bertelur di pantai Rantau Abang pada 2010 semasa ditemui di FRI Kuala Rantau Panjang.

18/2/2022

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

8

Langkah dapat stabilkan harga, elak bergantung bekalan import

# MARDI bangun program tanaman jagung bijian

Langkah dapat stabilkan harga, elak bergantung bekalan import

Oleh Suzalina Haki  
suzalina@bh.com.my

Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang membangunkan program tanaman jagung bijian negara dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada jagung import.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Dr. Mohamad Kamal Abdul Kadir, berkata langkah itu juga dijangka dapat menstabilkan harga jagung bijian negara.

Beliau berkata, menerusi program itu, MARDI menyasarkan pengurangan import jagung bijian 30 peratus menjelang 2032.

"Sasaran 30 peratus itu diwujudkan melalui kerjasama dengan petani hibrid yang boleh memberi hasil lapan hingga sembilan tan setiap hektar dan ditanam dua kali setahun di kawasan penanaman jagung negara sebanyak 80,000 hektar.

"Kalau tanaman itu dilaksanakan syarikat eslet dan pertidangan yang besar, Malaysia akan dapat menghasilkan jagung bijian sendiri, sekali gus memberi kesan positif kepada tumbesaran ayam dan kos makanan.

"Kita sudah mempunyai sistem, model ladang, teknologi, mesin dan prosedur operasi standard (SOP) untuk program ini," katanya.

Beliau berkata, program di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Industri Jagung Bijian Negara, itu dibangunkan pada 2016, membabitkan tiga fasa.

Katanya, ia kini pada peringkat perintis dengan penanaman dilaksanakan di tanah milik MARDI di Seberang Prai, Pulau Pinang dan Belau, Kelantan, membabitkan kawasan kurang daripada 500 hektar.

Mohamad Kamal berkata, MARDI turut menghasilkan dua teknologi iaitu Agro-zide-fungicide beraskan nano teknologi dan MARDI Sense-KIT iaitu pengesanan pantas mikotoksin dalam jagung bijirin bagi mengurangkan insiden pencemaran mi-

totoksin pada jagung bijian tempatan yang menjelaskan pengeluaran dan mutunya.

Katanya, kedua-dua teknologi itu akan diaplikasikan dalam SOP penanaman jagung bijian MARDI berskala sederhana.

Selain itu, beliau berkata, bagi penghasilan teknologi makanan ternakan, MARDI juga menganjurkan forum makanan ayam daging di kemari sebagai PxFeed Plus, tahun lalu.

Katanya, forum makanan itu dirumus menggunakan bahan mentah daripada seekor padi, mengikut keperluan tumbuhan ternakan itu.

"Kos formulasi makanan dan kos pengeluaran dijangka dapat dikurangkan sehingga 19 peratus atau berjumlah lebih RM180 juta dengan menggunakan formulasi MARDI ini berbanding penggunaan jagung dan mil kacang soya.

"Selain itu, penggunaan bahan mentah tempatan, termasuk tembakul dan bran beras bagi makanan ayam daging dapat mengurangkan bahan import seperti jagung dan mil kacang soya sebanyak 44 peratus," katanya.

## LPP laksana projek fasa ketiga di Johor

Kuala Lumpur: Lembaga Pertanian Feladang (LPP) akan melaksanakan projek tanaman jagung bijian di Johor, habib peruntukan RM600,000 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada masa terdekat.

Kerua Pengarahnya, Datuk Azulita Selim, berkata projek fasa ketiga itu akan dibangunkan di lokasi Zon Pengeluaran Makanan Cempelak di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bakri, Johor.

Katanya, LPP melaksanakan tanaman jagung bijian fasa satu pada 2018 dan membuat keuntungan, namun kerugian sehingga RM100,000 pada fasa dua akibat serangan petosek, Fall Armyworm.

"Bagi fasa tiga ini, ia dijayakan ikut prosedur operasi standard (SOP) dikeluarkan Jabatan Pertanian, baru-baru ini bagi mengelak serangan perusak," katanya.

Sebelum ini, Menteri MAFI,

Datuk Seri Dr. Ronald Kiang, menyatakan kerajaan sedang merangka dasar baharu bagi menggalakkan penanaman jagung secara meluas di negara ini untuk mengurangkan kebergantungan bekalan import.

Azulita berkata, ia boleh dijayakan kerana LPP sendiri mempunyai usahawan yang berjaya menghasilkan jagung bijian dengan kadar pulangan baik seperti yang dicapai pada projek fasa satu.

Beliau berkata, projek fasa satu dimulakan pada 2018 membabitkan kawasan seluas 50 hektar dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan berjaya memperoleh hasil 2.4 metrik tan setiap hektar serta mendapat keuntungan.

Namun, katanya, LPP kerugian RM100,000 pada projek fasa dua yang dilaksanakan pada 2019 di kawasan seluas 10 hektar dengan peruntukan RM325,000 akibat serangan perusak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2022	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Kit uji ketulenan madu akan dikeluarkan elak pengguna tertipu

# 80 peratus madu di pasaran tiruan

KIRA-KIRA 80 peratus madu terutamanya madu kelulut sama ada produk tempatan atau import yang dijual di pasaran negara ini didapati adalah tiruan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pelbagai agensi berkaitan.

Bagi mengelakkan lebih ramai pengguna daripada terus menjadi mangsa peripuan para peniaga, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini dalam peringkat akhir membangunkan kit uji ketulenan madu.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan MARDI, Norra Ismail berkata, kit pantas tersebut mampu mencapai keberkesanan ujian ketulenan madu lebah dan juga madu kelulut melebihi 90 peratus.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

ANTARA jenis madu tiruan yang banyak dijual ialah madu tualang serta madu kelulut dan harganya lebih murah berbanding madu asli.

GAMBAR HIASAN



## Hasil padi kawasan MADA meningkat

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) optimis sumbangan pengeluaran padi dari kawasan kendaliannya berada pada paras sekurang-kurangnya 40 peratus untuk keperluan negara walaupun negara dilanda banjir dan cuaca tidak menentu ketika ini.

Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli berkata, anggaran purata hasil kasar semasa pada kadar 5.3 tan per hektar mampu dicapai oleh petani MADA dengan pengeluaran padi sebanyak 553,631 tan metrik musim ini.

"Aktiviti penanaman padi bagi musim 2/2021 berada pada fasa penuaian padi yang mana seluas 71 peratus tanaman padi masak dengan aktiviti penuaian sudah mencapai 37 peratus daripada keseluruhan kawasan Muda sehingga 16 Februari lalu.

"Jangkaan pencapaian musim ini melebihi 30.6 peratus berbanding pengeluaran padi bagi musim 2/2020 yang hanya mencapai pengeluaran 408,724 tan metrik," katanya dalam kenyataan semalam.

Kata beliau, penuaian padi di kawasan Muda akan mencapai 90 peratus pada pertengahan Mac ini.

"Pemantauan kemajuan aktiviti akan terus dijalankan oleh pihak MADA sehingga selesai musim 2/2021," ujarnya.

Menyentuh tentang status terkini turunan hujan yang direkodkan pada Januari dan Februari tahun ini, menurutnya, ia adalah sedikit berkurangan berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

"Sehingga 16 Februari lalu, purata turunan hujan di kawasan dataran adalah sebanyak 13.6 milimeter (mm), manakala julat turunan hujan di kawasan tadahan sungai-sungai utama adalah 3.0 mm hingga 18.5 mm.

"Sementara turunan hujan di kawasan tadahan empangan adalah antara 1.5 mm hingga 19.8 mm," jelasnya.

Tambahnya, paras air di sungai-sungai utama berada pada paras normal terutama bagi Sungai Padang Terap di Stesen Kuala Nerang yang mencatatkan bacaan pada paras 13.20 meter.

"Status kedudukan takungan empangan MADA berada dalam keadaan selesa iaitu, takungan Empangan Pedu adalah sebanyak 81.6 peratus, Empangan Muda (76.4 peratus) dan Empangan Ahning (92.8 peratus)," katanya.



MADA menganggarkan petani di kawasan Muda dapat mengeluarkan padi sebanyak 553,631 tan metrik musim ini. - GAMBAR HIASAN



## ENSURING ACCESS TO FOOD

## Chicken episode a good lesson on food security

**THE** Chinese New Year break was a welcome respite for our Chinese colleagues, after two years of not celebrating physically as a family. This time, the celebration was more joyous.

Everything was okay, except for the chicken price increase. Along with the shortage in the supply of eggs, the issue was much debated on social media.

People blamed the supply chain, but the middleman was not spared. Many saw the incident as a disruption in our food security agenda. Hopefully, it is only temporary.

Chicken has always been one of Malaysia's success stories.

There were occasions when we had too much, and the price would fall.

During a supply glut, there was massive slaughtering of chicks to make sure prices remained stable and profitable to farmers.

It was different this time. Supply declined and prices shot up. The price rise for imported feed has been cited as one reason.

Soya and corn prices have been bullish these past months. This has happened to all world commodities.

Our palm oil hovers around



**DR AHMAD  
IBRAHIM**

RM5,000 per tonne, which is abnormal considering the prices over the last two years.

But experts say it is more than just the increase in production cost that was driving up chicken prices.

Big retailers put the blame on the poor control of supply. They have called for the removal of import restrictions as a stop-gap measure.

The government has responded well to the request by relaxing import controls. Following that, there was the announcement that chicken prices will soon come down.

The other food security concern is beef.

Despite efforts to increase local production, we have never reached self-sufficiency.

Our beef import bill has continued to rise, running into billions of ringgit.

After talking with experts in the field, with better planning and execution, it is not impossible to close the import gap.

Execution and an efficient regulatory regime have been the stumbling blocks.

A recent announcement about revisiting the feedlot idea is refreshing news.

Some livestock experts whom I spoke to believe we have the fundamentals to make it work.

One idea they shared is to capitalise on the six million hectares of oil palm land that we have. But the business model must be right.

One model is to fund independent smallholder cattle farmers to lease the plantation land to a feedlot company to grow beef, instead of asking plantation companies to do it.

In the past, these projects failed when managed by plantation companies.

One reason cited was that the expertise needed was not with them. Furthermore, plantations were making handsome returns from their crops, and therefore



Chicken is one of Malaysia's success stories. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

had less motivation.

If feedlot companies managed it, they could provide the market for the beef grown by small farmers, including providing technical support and guidance on productivity issues.

Apart from adding value to the beef, it is imperative for feedlot companies to invest in research and development. As in most businesses, the technology in the livestock business also keeps changing, warranting R&D to remain competitive.

Food security is an important national agenda. In fact, all countries have a strategy to ensure

their citizens have access to affordable and nutritious food.

The key word here is access. The source can be from local production and imports. Managing supply is key to food security.

The plus point for local production however is its economic benefits, including job creation and income distribution.

It is hoped that the chicken episode can be another lesson for us as we pursue our food security agenda.

The writer is a professor at the Tan Sri Omar Centre for STI Policy, UCSI University





ABDUL FATTAH (duduk, empat dari kiri) bersama ahli jawatankuasa baharu Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad di Dewan UMNO Lipis, Lipis semalam.

# Angkasa tanam jagung, kurangkan import dedak

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

**LIPIS** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan memperluaskan projek tanaman jagung di seluruh negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada import sekali gus menggantikan dedak sebagai makanan haiwan ternakan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi usahasama yang baik antara pihaknya dengan syarikat perladangan, projek itu diyakini mampu mengurangkan kebergantungan negara mengimport bahan makanan ternakan dari luar negara.

"Tanaman jagung ini diusahakan menerusi kerjasama dengan syarikat tempatan iaitu Famox Plantation (M) Sdn. Bhd. di Jitra, Kedah di kawasan seluas 200 hektar.

"Tanaman ini mendapat permintaan tinggi dan menjadi sebagai penanda aras bagi Angkasa untuk memperluaskan ke seluruh negara," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahun ke-34 Pekebun Kecil Lipis Berhad di Dewan UMNO Lipis di sini semalam.



KERATAN Kosmo 7 Januari 2022.

Menurut beliau, sebanyak RM700,000 diperuntukkan bagi projek rintis jagung bijan di Jitra itu dan Angkasa bersedia untuk bekerjasama dengan beberapa syarikat dan koperasi di seluruh negara untuk memperluaskan tanaman tersebut di negeri-negeri lain.

Abdul Fattah memberitahu, mengikut perancangan awal, pihaknya berhasrat mengembangkan projek itu dengan pembabit 12 koperasi di kawasan lain yang akan ditentukan kelak.

"Angkasa telah mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar di seluruh negara yang akan dibangunkan oleh koperasi setempat dan syarikat terpilih.

"Dengan penghasilan sendiri jagung ini, saya percaya ramai penternak akan mudah menda-

patkan produk tersebut dengan harga lebih murah. Pada masa sama ia dapat menambahkan pendapatan ahli-ahli koperasi.

"Ini merupakan sebahagian usaha Angkasa dalam membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga dedak yang menjejaskan pengeluaran ayam dan telur selain menambah bilangan pengeluaran tempatan dalam koperasi Burniputera," ujarnya.

Kosmo pada 7 Januari lalu melaporkan Persatuan Pengguna Kedah (Cape) menggesa kerajaan supaya mewujudkan industri penghasilan makanan haiwan ternakan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan daripada seluruh penternak dalam negara.

Setiausahanya, Mohamad Yusrizal Yuso berkata, negara tidak boleh lagi bergantung kepada dedak yang diimport dari luar negara berikutan harga pasarnya tidak menentu.

Keadaan itu menyebabkan peningkatan harga makanan haiwan ternakan itu sejak kira-kira setahun lalu. Dedak kini dijual lebih RM100 sekampit dengan berat 50 kilogram (kg) dan harganya meningkat sebanyak empat kali dalam masa setahun.



# Bot nelayan rosak, tenggelam akibat dibadai angin kencang

**BALIK PULAU** – Nelayan di Jeti Kampung Nelayan Teluk Kumbang dan Kuala Teluk Kumbang di sini, terpaksa menanggung kerugian besar selepas bot milik mereka mengalami kerosakan dalam kejadian ribut tengah malam kelmarin.

Dalam kejadian pukul 12.30 tengah malam itu, hampir 10 buah bot nelayan yang diletakkan di sepanjang jeti itu terbalik dan tenggelam akibat dibadai angin kencang.

Seorang nelayan, Samsuar Hashim, 43, berkata, mereka terpaksa berdepan detik cemas apabila rumahnya yang terletak berdekatan persisir pantai itu turut dimasuki air dan pasir.

Menurutnya, sebelum ribut melanda, kejadian air pasang besar telah berlaku sehingga mencecah paras lantai rumah separa kayu yang didiaminya bersama isteri dan empat anak.

"Memang tak sangka akan berlaku kejadian ombak kuat, disusuli angin kencang dan hujan lebat sehingga menenggelamkan sebuah bot milik saya serta peralatan menangkap ikan.



**ANTARA bot nelayan pantai yang terbalik di Jeti Kampung Nelayan Teluk Kumbang, Balik Pulau kelmarin.**

"Bot-bot nelayan pantai lain juga rosak selain dihanyutkan arus ombak kira-kira 300 meter dari jeti dan ada yang terbalik serta pecah akibat terkena batu.

"Kami terpaksa menanggung kerugian antara RM40,000 hingga RM50,000 bagi setiap bot termasuk kos kerosakan peralatan menangkap ikan," katanya di sini semalam.

Ketika ini, kesemua nelayan yang terjejas sedang melakukan gotong-royong menarik pukat dan menaikkan bot yang terbalik.

# Nelayan rugi bot rosak dipukul ribut

**Penduduk anggap fenomena air pasang di Pulau Aman luar biasa**

**Oleh Nur Izzati Mohamad**  
bhnews@bh.com.my

**Batu Kawan:** Nelayan sekitar Pulau Aman, di sini kerugian mencah ribuan ringgit apabila peralatan menangkap ikan termasuk bot milik mereka rosak dan tenggelam dipukul ribut awal pagi semalam.

Kejadian kira-kira jam 1 pagi itu turut menggerakkan kediaman penduduk, sehingga menyebarkan ada yang mengalami ke-rosakan.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Aman, Saibi Abd Majid, berkata ketika kejadian Pulau Aman memang mengalami fenomena air pasang disebabkan hujan, namun kebanyakan penduduk tidak menyangka ia hadir berkali-kali dengan ribut.

"Ketika kejadian kebanyakan penduduk sudah tidur dan ribut yang melanda menggerakkan rumah sehingga mengejutkan mereka.

"Penduduk hanya menyedari ribut berlaku sebaik keluar dari rumah dan melihat air laut dilihat bergelora dengan arus kencang melanda," katanya

ketika dihubungi.

Saibi berkata, fenomena air pasang memang kerap berlaku di Pulau Aman, namun kejadian awal pagi semalam sedikit luar biasa kerana disusuli dengan ribut.

Ditanya mengenai kerosakan dialami, katanya selain beberapa rumah penduduk rosak, nelayan juga terpaksa menanggung kerugian apabila bot dan peralatan



Bot nelayan di Pulau Aman yang terbalik dan rosak akibat dipukul ribut awal pagi semalam. (Foto BERNAMA)

menangkap ikan terkesan akibat ribut.

"Kami memang sudah biasa dengan keadaan ini (air pasang), namun kejadian ini sedikit luar biasa. Mujurlah tidak ada apa-apa yang berlaku dan penduduk selamat," katanya.

Difahamkan, bot milik nelayan bukan hanya rosak dan terbalik dipukul ribut, malah ada sebahagianya dihanyutkan ombak.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz, berkata pihaknya sudah menghubungi ketua unit nelayan Sungai Batu dan Teluk Kumbar serta MPKK Gertak Sanggul bagi membuat bantuan kerosakan dan jumlah mereka yang terbalik.

"Pihak saya cuba membantu meringankan bebanan mereka sedaya upaya," katanya.



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA  
SURAT

18/2/2022

HARIAN  
METRO

LOKAL

22

**PERALATAN TANGKAP IKAN, RUMAH ROSAK**

# Pulau Aman digegar ribut!

**Isa Kawan**


**B**eberapa nelayan di Pulau Aman di sini, menanggung kerugian ribuan ringgit apabila peralatan menangkap ikan serta bot mereka rosak dan tenggelam akibat dipukul ribut dalam kejadian awal pagi semalam.

Dalam kejadian pada jam 1 pagi itu, beberapa rumah penduduk turut rosak akibat bencana berkenaan.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Aman, Saibi Abd Majid berkata, kejadian ribut itu menyebabkan penduduk terus bangun dari pada tidur selepas rumah didiami mereka bergegar.

"Pada ketika ini memang Pulau Aman dilanda fenomena air pasang kerana hujan, tetapi sekitar jam 1 hingga 2.30 pagi hari ini (semalam) tidak sangka ribut turut melanda.

"Habib semua penduduk terjaga daripada tidur ke-



KEADAAAN bot nelayan di Pulau Aman yang terbalik dan rosak akibat dipukul ribut awal pagi semalam.



Kira-kira 80 peratus madu dijual adalah palsu, mengandungi bahan berbahaya

## Madu tiruan terus 'monopoli' pasaran

Oleh AHMAD SHAHERMAN  
SHAMSURI dan NORLIDA  
AKMAR IDROS

**PETALING JAYA** – Kira-kira 80 peratus madu terutamanya jenis kelulut sama ada produk tempatan atau import yang dijual di pasaran negara ini didapati adalah tiruan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pelbagai agensi berkaitan.

Situasi itu menyebabkan orang ramai perlu berfikir berkali-kali sebelum membeli madu kerana mereka bakal terdedah dengan risiko penyakit sekiranya terbeli madu tiruan yang mengandungi gula tebu dan air gula Melaka yang berlebihan.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Norra Ismail berkata, pihaknya mendapati terlalu banyak madu tiruan dijual terutamanya madu kelulut.

Menurutnya, harga madu kelulut tiruan jauh lebih murah berbanding madu asli.

"Jika madu kelulut asli, harga sebenarnya akan lebih mahal berbanding madu lebah.

"Oleh itu, pembeli jangan mudah tertipu dengan tawaran harga murah oleh penjual kerana



NORRA

hasil ujian, 80 peratus madu yang dijual adalah tiruan," katanya kepada Kosmo semalam.

Madu kelulut tiruan kebiasaannya dijual pada harga lebih murah iaitu antara RM15 hingga RM25 bagi 100 milliliter (ml) berbanding madu kelulut asli RM40.

Bagi madu lebah tiruan pula ditawarkan pada harga sekitar RM30 untuk botol bersaiz 660ml berbanding madu lebah asli melebihi RM50.

Norra memberitahu, bagi mengelakkan lebih ramai pengguna daripada terus menjadi mangsa penipuan, MARDI kini dalam peringkat akhir membangunkan kit uji ketulenan madu.

Katanya, kit pantas itu mampu mencapai keberkesanan ujian



UJIAN yang dilakukan pelbagai agensi mendapati banyak madu tiruan dijual di pasaran. – GAMBAR HIASAN

ketulenan madu lebah dan juga kelulut melebihi 90 peratus dan boleh mengesan madu yang telah dicampur dengan bahan lain yang dikenali sebagai adulterasi.

"Ketika ini, kit tersebut dalam proses akhir peringkat ujian makmal dan akan mula digunakan oleh MARDI selepas mendapat persetujuan daripada pihak kementerian.

"Setakat ini, ujian makmal

mendapati, kit tersebut dapat menguji dan membezakan antara madu kelulut, madu lebah yang asli dengan madu tiruan.

"Buat masa ini, kita sedang menguji kit pada peranti mudah alih untuk kegunaan di lapangan dan menunggu kelulusan pengurusan atasan MARDI sebelum dapat digunakan oleh pengguna," ujarnya.

Norra berkata, MARDI juga

telah membangunkan satu standard berkaitan madu kelulut (MS2683:2017) bagi menjaga kualiti serta mengawal penjualan madu tiruan di pasaran.

"Menerusi standard ini, kita akan menguji peratus kandungan kelembapan, kandungan gula serta beberapa parameter kualiti berkaitan madu kelulut itu sebelum ia boleh dipasarkan," katanya.

## Perniagaan penternak kelulut, 'pemburu' madu terjejas

**JITRA** – Kalangan penternak serta pencari madu lebah asli meluahkan kebimbangan apabila mendakwa pasaran manis semula jadi dari lebah itu terus di-monopoli madu tiruan.

Penternak dari Kampung Padang Panjang, Bukit Wang di sini, Izhar Johari memberitahu, kebanyakan madu di pasaran terdiri daripada madu yang telah diubah suai dengan penambahan bahan lain seperti glukosa.

Katanya, lebih membimbangkan apabila ada juga madu sintetik yang mana ia diperbuat daripada 100 peratus bahan kimia.

"Perkara ini yang menjadi isu utama yang sering dibincangkan dalam kalangan penternak kelulut termasuk bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Bagaimanapun, masalah itu tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini kerana pengguna sukar



IZHAR menunjukkan air teh bertukar warna seperti madu sebak bercampur dengan tuisan madu kelulut asli, namun jika madu tiruan, warna air itu tetap sama.

untuk membezakan antara madu tiruan dan asli," katanya ketika ditemui di Galeri Kelulut Bukit Wang di sini baru-baru ini.

Izhar memberitahu, ketulenan

madu tempatan atau import ketika ini hanya boleh diukur secara tepat di makmal.

"Sebagai penternak atau pengusaha madu kelulut, kita bia-

sanya dapat mengenal pasti perbezaan madu tiruan dengan asli mengikut pemerhatian.

"Antara ciri-ciri madu asli ialah teksturnya tidak berkaca atau bersinar, rasanya mempunyai aroma bunga dan mempunyai sedikit rasa masam," jelasnya.

Menurutnya, petua 'kampung' lain bagi mengenal pasti madu asli yang didapati kurang tepat ialah madu asli tidak akan dihurung semut selain mempunyai lapisan kristal seakan-akan gula.

"Ini kerana dalam madu tetap ada kandungan gula," namun pada kadar tertentu. Namun, madu tiruan yang mempunyai kadar gula tambahan yang banyak, lapisan bahan itu akan kelihatan sehingga separuh botol jika dimasukkan dalam peti sejuk," katanya.

Penternak di JKM Trigona Agro Farm, Mohd. Riban Zainol, 44, berkata, lambakan madu tiru-

an di pasaran secara tidak langsung menjejaskan perniagaan pengusaha madu kelulut.

"Madu tiruan ini banyak dijual di premis, kaki lima dan secara dalam talian dengan harga yang murah dan tidak munasabah.

"Pihak kami bersama MARDI pernah mengumpulkan madu yang dijual di pasaran untuk diuji ketulennannya, malangnya kebanyakan madu yang diuji didapati tidak asli," ujarnya.

Seorang penjual madu tualang di rumah bot Seri Mahawansa di Pedu dekat sini, Amir Wahab berkata, proses mengambil madu tualang bukan mudah.

Katanya, jika di Pedu, 'pemburu' masih mengambil madu pada waktu malam di atas pokok tualang yang berketinggian hingga 150 meter.

"Jadi, mana mungkin madu tualang asli boleh dijual terlalu murah," katanya.



18/2/2022

HARIAN METRO

LOKAL

21

**Setu:** Hampir 40 petani di Tanah Kelompok Belia Kampung Telaga Papan di sini, terpaksa menanggung kerugian keseluruhan bernilai RM910,000 apabila tanaman tembikai yang diusahakan mereka di atas tanah berkeluasan 91 hektar musnah akibat banjir Sabtu lalu.

Petani, Abdullah Ghani, 53, berkata, hujan lebat sejak 11 Februari lalu menggelamkan 9,000 pokok tembikainya yang sudah mula berbuah atas tanah seluas empat hektar.

Katanya, beliau berputih mata apabila kehilangan modal RM30,000 selain potensi menjana pendapatan sekitar RM100,000.

"Pendapatan itu yang saya rancang untuk digunakan sebagai pusingan modal, untuk bayar gaji 16 pekerja saya, perbelanjaan keluarga dan persiapan menyambut bulan puasa serta hari raya nanti," katanya di Kampung Telaga Papan, di sini, semalam.

Abdullah berkata, kejadian banjir di kawasan terbabit adalah kali pertama dialaminya sejak beliau mengusahakan tanaman tembikai di situ 10 tahun lalu.

Ibu kepada lima anak, Siti Maryam Awang, 47, berkata,

## 40 petani rugi RM910k tembikai musnah



SEBAHAGIAN daripada petani terbabit melakukan kerja pembersihan dengan membuang pokok tembikai yang rosak akibat banjir di ladang di Kampung Telaga Papan.

beliau bagaikan jatuh terduduk apabila melihat 3,000 pokok tembikainya atas tanah seluas 1.2 hektar musnah, apatah lagi beliau meminjam RM8,000 daripada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk dibuat modal, selain

mengeluarkan simpanan sendiri.

"Ingatkan boleh raih pendapatan sekitar RM40,000 apabila di-

jual nanti. Memang sedih, tetapi saya harus reda dan kuat kerana saya bekerja seorang untuk menyara ke-

uarga selepas suami (Aziz Ibrahim, 50) diserang strok tiga tahun lalu," katanya yang pertama kali mencuba menanam tembikai.

Selain itu, petani muda Shahril Hafizi Shafie, 33, yang mengerjakan 2.8 hektar

tanah berkata, beliau banya boleh menanam semula tembikai pada bulan depan iaitu selepas kerja pemberaian selesai.

"Selalunya kami tanam tembikai dua kali setahun. Sejak 10 tahun kebelakangan ini masuk sahaja bulan Januari cuaca akan panas, sembab itu petani di sini mula menanam untuk beroleh hasil sebelum bulan puasa.

"Tetapi, tidak sangka pula jumaat lalu hujan lebat sehingga banjir. Tembikai ini sudah 20 hari ditanam dan kebanyakannya sudah berputik," katanya yang mengalami kerugian berjumlah RM20,000.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Telaga Papan Bistaman Ariffin berkata, selain hujan lebat berterusan, masalah perparitan yang tidak sempurna dan sempit adalah antara punca banjir berlaku di kawasan itu.

Bagaimanapun, katanya, masalah terbabit sudah dilaporkan kepada pihak berwajib termasuk pegawai daerah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Setiu supaya tindakan lanjut dapat segera diambil. - Bernama

Masalah perparitan tidak sempurna dan sempit adalah antara punca banjir